

25/11/2001

Kerajaan akan serah Misuari: Abdullah

KOTA KINABALU: Malaysia akan menyerahkan bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari, yang ditangkap di Sandakan semalam kepada kerajaan Filipina.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ini kerana kerajaan Filipina menghendaki bekas pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) kerana mengisytiharkan perang terhadap negara itu.

"Kita sebagai negara dalam Asean ada kerjasama...sekiranya itu yang dikehendaki mereka (kerajaan Filipina), maka itu yang kita lakukan sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam kenyataannya.

"Jika kita menyimpan beliau (Misuari), kita mungkin dituduh cuba campur tangan hal dalaman kerajaan Filipina," katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah di Hotel Magellan Sutera di sini, petang semalam.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata pihak keselamatan negara ini terpaksa menangkap Misuari kerana beliau memasuki negara ini secara haram serta dikehendaki pula di negaranya sendiri.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap Misuari, beliau berkata mungkin tidak perlu berbuat demikian kerana beliau akan diserahkan terus kepada kerajaan Filipina.

Mengenai tahap keselamatan di negara ini khususnya di Sabah berikutan penangkapan Misuari, beliau berkata: "Saya tidak mahu membuat sebarang spekulasi, tetapi kita akan mengambil tindakan mengikut undang-undang."

Di SANDAKAN, kawalan keselamatan di bandar ini dan beberapa bandar utama di pantai timur Sabah dipertingkatkan berikutan penangkapan Misuari.

Tinjauan Berita Minggu mendapati selain di sini, kawalan turut dipertingkatkan di daerah Semporna dan Lahad Datu.

Dalam perkembangan berkaitan, berita mengenai penangkapan Misuari hanya tersebar di bandar ini kira-kira jam 4.30 petang ini selepas laporan mengenainya disiarkan sebuah televisyen swasta.

(END)